

19 JAN 2003

Syed Razak-Pencapaian

MATLAMAT KEDAH MAJU 2010 DAPAT DICAPAI

ALOR STAR, 19 Jan (Bernama) -- Matlamat Kedah Maju 2010, yang bertujuan memajukan negeri ini dalam bidang perindustrian, pertanian dan pelancongan, akan boleh dicapai dalam tempoh yang ditetapkan, kata Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Beliau berkata hasil kajian semula tentang prestasi pelan itu sejak dilaksanakan pertengahan 2001, menunjukkan kerajaan telah berjaya meletakkan negeri ini di atas landasan yang kukuh dan pantas ke arah mencapai matlamat itu.

Katanya kajian juga menunjukkan bahawa wujudnya fundamental yang stabil dari aspek makroekonomi, politik dan sosial di peringkat negeri dan nasional.

"Pertumbuhan ekonomi negeri dalam tiga sektor -- perindustrian, pertanian dan pelancongan -- boleh berjaya dengan baik kerana terdapat asas-asas fundamental yang kukuh di peringkat nasional," katanya ketika menyampaikan ucapan tahniah dan selamat sempena ulang tahun Keputeraan Sultan Kedah yang ke-75 di Istana Anak Bukit di sini, hari ini.

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dianugerahkan Darjah Kerabat (DK) mengetuai senarai penerima darjah dan pingat kebesaran sempena keputeraan baginda.

Syed Razak berkata kerajaan juga memberi perhatian serius terhadap kualiti hidup rakyat khususnya golongan miskin dengan membina kemudahan asas seperti hospital, perumahan awam, sekolah, surau dan masjid serta jalan raya.

Katanya, Kedah juga telah melaksanakan program pembangunan keagamaan, disamping tumpuan terhadap projek ekonomi dan komersil.

Dalam sektor pelaburan, beliau berkata berdasarkan sambutan lalu, kerajaan negeri yakin akan menerima pelaburan asing dalam pelbagai sektor seperti elektronik, ICT dan perkhidmatan.

Bagi pelaburan dalam negeri, kerajaan negeri akan memberi pelbagai insentif dan kemudahan termasuk mempercepatkan proses kelulusan pelan-pelan pembangunan, katanya.

--BERNAMA

FIZ MZM ZB